

14 OCT 1997

PELABUR-PELABUR TIMUR TENGAH YAKIN EKONOMI M'SIA TIDAK BERGONCANG

Oleh: Muammar Kamaruddin

MANAMA, (BAHRAIN), 14 Okt (Bernama) -- Dallah Albaraka Holding Group, yang memeterai perjanjian usaha sama dengan Perbadanan Johor di sini hari ini untuk menguruskan pelbagai dana Islam menyatakan ia mempunyai keyakinan penuh terhadap ekonomi Malaysia.

Timbalan pengerusi pertama Dallah Albaraka, Sheikh Mahmood Jameel Hassoubah, berkata: "Kami yakin sepenuhnya dengan polisi pelaburan Malaysia. Atas alasan itulah kami menggalakkan pelabur-pelabur serantau (Timur Tengah) untuk melabur di Malaysia.

Aliran menurun ringgit berbanding unit dolar AS ketika ini dan kejatuhan dalam pasaran saham hanyalah satu "pergolakan kecil" dan Malaysia akan berjaya mengatasinya tidak lama lagi, katanya kepada para pemberita selepas majlis permeteraian itu hari ini.

"Ia adalah kepercayaan kami sebagai pelabur asing di Malaysia...kami tidak akan terjejas oleh krisis itu, ia tidak akan menggoncang keyakinan kami terhadap kekukuhan ekonomi yang diuruskan di bawah pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim."

Beliau berkata Albaraka sudah melabur lebih RM350 juta dalam sektor perbankan, minyak kelapa sawit dan penjagaan kesihatan di Malaysia dan "langsung tidak menjual mana-mana saham dan pelaburannya di Malaysia sejak krisis mata wang dan pasaran saham itu berlaku."

Johor Capital Holdings Sdn Bhd, cabang pelaburan Perbadanan Johor memeterai perjanjian usaha sama dengan Albaraka Islamic Investment Bank dari Bahrain, anggota syarikat Dallah Albaraka bagi membentuk syarikat usaha sama dengan nisbah 50:50 yang dinamakan Albaraka-PJB Pacific Investment Company, bagi menguruskan pelbagai dana Islam.

Syarikat usaha sama itu buat permulaannya akan menguruskan dana tertutup bernilai AS\$20 juta (kira-kira RM60 juta) yang dipanggil Asian Islamic, dan dijangka dilancarkan bulan depan.

Ketua eksekutif Perbadanan Johor, Datuk Muhammad Ali Hashim berkata, kenyataan Albaraka itu akan meningkatkan keyakinan pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia yang baru-baru ini berdepan dengan aliran menurun hasil daripada pergolakan mata wang serantau.

Kumpulan Dallah Albaraka adalah konglomerat Timur Tengah yang berpangkalan di Jeddah dan terbabit dalam aktiviti perbankan, pengeluaran, harta tulen dan penjagaan kesihatan.

Kumpulan itu mempunyai pelaburan di lebih 40 negara terutamanya di Afrika Utara dan Timur Tengah.

Ia telah melabur di Malaysia sejak 10 tahun lalu menerusi cabang pelaburannya, Dallah Albaraka. -- BERNAMA

MK ZK